

PM dijangka jelaskan

UM 19 JUN 2004

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 18 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka menjelaskan kepada para perwakilan beberapa isu dalaman parti yang penting dalam majlis taklimat Presiden, petang esok.

Antara isu yang dijangka disen-tuh oleh Dr. Mahathir termasuk peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewa-

ngan dan Bendahari UMNO serta isu keputusan Lembaga Disiplin.

Menurut sumber, isu-isu tersebut terutama keputusan Lembaga Disiplin perlu diperjelaskan kerana sebahagian ahli UMNO dilihat kurang berpuas hati dengan keputusan lembaga disiplin itu.

Dr. Mahathir juga tentunya akan memberikan nasihat kepada perwakilan supaya terus bersatu padu bagi menghadapi pilihan raya 2004.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan menekankan tentang hala tuju baru Pemuda UMNO dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Pemuda, 20 Jun ini.

Cabaran

Hala tuju baru itu diharap akan dapat memperkasakan lagi pergerakan itu dalam membantu UMNO berdepan dengan cabaran semasa yang semakin getir.

isu dalaman parti

Selain itu, tiga tugas yang diberikan oleh Dr. Mahathir sewaktu majlis amanat Presiden baru-baru ini seolah-olah mendesak Pemuda UMNO bergerak dengan lebih berkesan.

Pergerakan Wanita pula dijangka membincangkan agenda pembangunan dan cabaran yang bakal dihadapi oleh kaum wanita.

Pergerakan itu juga akan turut membincangkan kehadiran Puteri UMNO dan kaedah untuk mem-

bantu sayap baru UMNO itu memahami tugas yang perlu mereka laksanakan untuk keutuhan parti.

Dalam pada itu, ibu pejabat UMNO kini bertungkus-lumus membuat persiapan terakhir menjelang perhimpunan agung yang akan bermula Khamis ini.

Tinjauan mendapati petugas urus setia UMNO sibuk dengan tugas masing-masing seperti menyediakan beg perwakilan, memasang sistem komputer untuk pen-

daftar perwakilan dan persiapan dewan.

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) turut dihias indah dengan bunga-bunga, lampu-lampu dan bendera UMNO.

Ruang legar PWTC juga sudah siap sedia untuk menerima kehadiran peniaga sepanjang Perhimpunan Agung UMNO selama empat hari itu.

Pada tahun ini, lebih 310 ruang niaga disediakan, berbanding kira-kira 200 ruang pada tahun lalu.